

14 AUG 2002

MAHATHIR UCAP SELAMAT JALAN KEPADA PERDANA MENTERI TIMOR LESTE

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri negara yang baru merdeka Timor Leste Dr Mari Bim Amude Alkatiri, hari ini.

Dr Alkatiri yang mengetuai delegasi 27 anggota tiba di sini pada Ahad bagi lawatan rasmi empat hari ke Malaysia.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 30 minit dengan Dr Alkatiri di Hotel Regency, di sini.

Semasa lawatan itu, Alkatiri telah mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai hubungan dua hala serta mesyuarat delegasi dengan pihak Malaysia.

Timor Leste telah meminta bantuan Malaysia dalam pembangunan sosio ekonominya kerana menganggap Malaysia sebagai contoh terbaik bagi pembangunan.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad berkata Malaysia bersedia membantu Timor Leste dalam bidang pendidikan, pembangunan industri, pertanian serta menjalin usahasama dalam industri minyak dan gas melalui Petronas, di samping membantu menerusi pelaburan hiliran dan sektor berorientasikan eksport.

-- BERNAMA
AT AKT RHM